



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**TAHAP PENERIMAAN GUNA AMALAN PERTANIAN TEPAT
DALAM KALANGAN PESAWAH DI SAWAH SEMPADAN,
SELANGOR, MALAYSIA**

JOHARI BIN ABDULLAH

FPP 2010 23



**TAHAP PENERIMAAN GUNA AMALAN PERTANIAN TEPAT
DALAM KALANGAN PESAWAH DI SAWAH SEMPADAN,
SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

JOHARI BIN ABDULLAH

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk mendapat ijazah Master Sains**

Oktober 2010



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk mendapat ijazah Master Sains

**TAHAP PENERIMAANGUNA AMALAN PERTANIAN TEPAT
DALAM KALANGAN PESAWAH DI SAWAH SEMPADAN,
SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

JOHARI BIN ABDULLAH

Oktober 2010

Pengerusi : Shamsuddin bin Ahmad, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kerajaan, melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, telah memperkenalkan Amalan Pertanian Tepat (APT) berdasarkan Manual Semak Padi untuk meningkatkan pengeluaran padi dan pada masa yang sama mengurangkan import beras. Walau bagaimanapun, pengenalan kepada teknologi baru ini kurang memberi kesan yang menyeluruh, sebagaimana yang diukur daripada tahap pengeluaran dan perbandingan dengan negara pengeluar beras yang lain.

Kajian-kajian lampau mendapati bahawa faktor sikap, pengetahuan dan kemahiran dapat menyumbang kepada penerimaanguna teknologi. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap sikap, pengetahuan dan kemahiran yang mungkin memberi kesan kepada penerimaanguna APT dalam penanaman padi. Kajian ini juga melihat pengaruh



umur, saiz sawah padi, tahap pendidikan, sumber maklumat APT dan penglibatan petani dalam aktiviti-aktiviti sosial terhadap penerimaanguna APT.

Kajian ini melibatkan 119 orang responden yang telah dipilih secara *Convenience Sampling Method* untuk menjadi sampel kajian. Mereka adalah pesawah yang mengusahakan padi di Sawah Sempadan, IADABLS. Maklumat dikumpul menggunakan borang soalselidik yang diisi sendiri oleh responden. Hasil kajian menunjukkan bahawa sikap, pengetahuan dan kemahiran mempunyai hubungan yang signifikan dengan penerimaanguna APT. Sementara semua faktor demografi tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan penerimaanguna APT. Sikap dan kemahiran menyumbang kepada penerimaanguna APT, namun pengetahuan tidak menyumbang kepada penerimaanguna APT.

Penerimaanguna APT dalam kalangan pesawah di Sawah Sempadan, Selangor adalah berada pada tahap tinggi. Tahap APT yang tinggi ini menunjukkan pesawah di Sawah Sempadan mempunyai sikap, pengetahuan dan kemahiran terhadap penerimaanguna APT yang baik. Pihak berwajib khususnya Jabatan Pertanian perlulah berusaha mengekalkan lagi dan seterusnya meningkatkan lagi penerimaanguna APT dengan cara memberi latihan dan bimbingan yang dapat mengubah sikap, pengetahuan dan kemahiran pesawah.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master Science.

**THE LEVEL OF ADOPTION OF PRECISION AGRICULTURAL PRACTICE
AMONG PADDY FARMERS IN SAWAH SEMPADAN,
SELANGOR, MALAYSIA**

By

JOHARI BIN ABDULLAH

October 2010

Chairman : Shamsuddin bin Ahmad, PhD

Faculty : Educational Studies

Government, through Ministry of Agricultural and Agro Base Industry, has introduced Precision Agricultural Practice (PAP) based on the Rice Check Manual to increase production and at the same time to reduce rice import. However, the introduction of this new technology has met with only partial success, as measured by observed rates of production and comparison with other rice producing country.

Previous study found that attitude, knowledge and competency factors can contribute to adoption of technology. The purpose of this current study is to examine the attitude, knowledge and competency factor that may affect on adoption of PAP in paddy field. This research also look the contribution of age, paddy field size, education background, information source of PAP and farmers participation in social activities towards adoption of PAP.



This study involved 119 respondent, was selected using *Convenience Sampling Method* as a sample of study. They were paddy farmers at Sawah Sempadan, IADA West Coast Selangor. Information was gathered using self-administrated questionnaire. The results showed that the attitudes, knowledge and skills have a significant relationship with adoption of PAP. While all demographic factors had no significant relationship with adoption of PAP. Attitudes and skills contributed to adoption of PAP, but the knowledge did not contribute to adoption of PAP.

Adoption of PAP among farmers in Sawah Sempadan, Selangor at high level. This high level of PAP shows farmers attitudes, knowledge and skills in Sawah Sempadan is good in adoption of PAP. Authorities, particularly the Agriculture Department should strive to maintain and further enhance the adoption of PAP by providing training and guidance to change attitudes, knowledge and skills of farmers.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Syukur Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmatNya, tesis ini dapat disempurnakan sebagaimana yang dirancang.

Penghargaan yang tidak terhingga saya tujukan kepada Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang dipengerusi oleh Dr. Shamsuddin bin Ahmad selaku penyelia pertama dan Dr. Ismi Arif bin Ismail selaku penyelia kedua di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan bantuan sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua pensyarah di Fakulti Pendidikan khususnya, mereka yang terlibat dalam mencurahkan ilmu dalam kuliah dan luar kuliah. Sesungguhnya ilmu tersebut banyak membantu saya memantapkan kefahaman dalam menyempurnakan tesis ini. Kepada rakan-rakan seperjuangan, saya doakan agar Allah memberi rahmat dan jalan yang mudah bagi kalian untuk mencapai kejayaan di atas sumbangan idea dalam menyiapkan tesis ini.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan IADABLS dan Pejabat Pertanian Kuala Selangor. En. Kashim dan En. Misrazif serta semua petani yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini, saya sangat menghargai kerjasama kalian dan saya doakan agar kalian sentiasa diberkati oleh Allah S.W.T . Tanpa bantuan dan kerjasama kalian saya merasakan agak sukar untuk melakukan tugas ini terutamanya kerja-kerja kajiselidik yang melibatkan



pengumpulan data. Ucapan ribuan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Pusat Latihan Kejenteraan Tanjung Karang yang sudi menyediakan bilik penginapan sepanjang menjalankan kerja-kerja penyelidikan.

Kepada rakan-rakan seperjuangan, sama ada di UPM, dalam negara ataupun luar negara, di atas sumbangan idea dan bahan kalian dalam tesis ini, saya panjatkan doa kepada Allah semoga kejayaan sentiasa mengiringi kalian. Jumpa di puncak jaya.

Buat insan tersayang yang sentiasa berada di sampingku ketika susah dan senang, isteri tercinta Nani Marlina Hj. Sulaiman dan putera-puteriku tersayang Safirah, Shahirah, Muhammad Irsyad, Muhammad Arshad, Rauhah dan Raudhah, terima kasih kerana sentiasa memahami dan menyokong ayah.

Kepada Kenot dan Umpong, terima kasih di atas bantuan kalian dalam proses memasukkan data dan mengedit teks. Safirah, Shahirah dan Irsyad; ayah sangat gembira kerana kalian telah membantu ayah sepanjang kerja kajiselidik ini di lapangan. Harapan ayah agar kalian boleh menjadi yang terbaik di antara yang terbaik. Ingatlah bahawa tiada jalan mudah untuk berjaya kecuali dengan usaha yang gigih.

Akhir kata, kepada semua yang berjasa, kenang daku dalam doamu. Semoga segala sokongan dan bakti yang dicurahkan akan mendapat ganjaran yang sewajarnya daripada Allah S.W.T. Segala yang baik itu datangnya daripada Allah S.W.T dan segala kekurangan itu berpunca dari kelemahan dan kedaifan diri saya sendiri.



KELULUSAN

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksaan Tesis telah berjumpa pada 18 Oktober 2010, untuk menjalankan pemeriksaan akhir bagi Johari bin Abdullah bagi menilai tesis beliau yang bertajuk **Tahap Penerimaanguna Amalan Pertanian Tepat dalam Kalangan Pesawah di Sawah Sempadan, Selangor** mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Pemeriksa Tesis adalah seperti berikut:

.....
Pensyarah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

.....
Pensyarah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa)

BUJANG KIM HUAT, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Shamsuddin Bin Ahmad, PhD

Pensyarah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ismi Arif bin Ismail, PhD

Pensyarah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

HASANAH MOHD GHAZALI, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

JOHARI BIN ABDULLAH

Tarikh : 18 Oktober 2010



KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
KELULUSAN	viii
PERAKUAN	x
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
BAB	
I PENGENALAN	
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	3
Objektif Kajian	5
Kepentingan Kajian	6
Skop kajian	7
Andaian Kajian	9
Limitasi Kajian	9
Definisi Istilah	10
II SOROTAN LITERATUR	
Pengenalan	14
Konsep Penerimaanguna Inovasi dalam Pertanian	16
Konsep Amalan Pertanian Tepat	17
Teori Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap (PKS)	19
Pengetahuan	19
Kemahiran	20
Sikap	22
Kajian Empirikal	24
Kajian APT dalam Konteks Pematuhan <i>Rice Check Manual</i>	25
Hubungan antara Sikap dan Inovasi Teknologi	31
Hubungan antara Pengetahuan dan Inovasi Teknologi	33
Hubungan antara Kemahiran dan Inovasi Teknologi	35
Hubungan antara Faktor Demografi dan Inovasi Teknologi	36
Ringkasan	42
III METODOLOGI KAJIAN	
Reka Bentuk Kajian	44
Kerangka Kajian	45



Pengukuran dan Instrumen	46
Sikap	47
Pengetahuan	47
Kemahiran	48
Penerimaanguna APT	48
Faktor Demografi	49
Validiti Instrumen	49
Pra-uji Instrumen	50
Kaedah Pensampelan	52
Pengumpulan Data	53
Penganalisan Data	56
IV HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
Pengenalan	59
Demografi Responden	59
Umur	60
Tahap Pendidikan	60
Saiz Tanah	61
Sumber Maklumat	62
Penglibatan Sosial	62
Hasil Pengeluaran Padi	63
Tahap Pemboleh Ubah	63
Tahap Sikap Pesawah	64
Tahap Pengetahuan Pesawah	66
Tahap Kemahiran Pesawah	68
Tahap Penerimaanguna APT oleh Pesawah	70
Perkaitan Faktor Demografi dan Penerimaanguna APT	73
Umur dan Penerimaanguna APT	74
Tahap Pendidikan dan Penerimaanguna APT	75
Saiz Tanah dan Penerimaanguna APT	76
Sumber Maklumat dan Penerimaanguna APT	78
Penglibatan Sosial dan Penerimaanguna APT	79
Hubungan antara Pemboleh Ubah Kajian	81
Perkaitan Faktor Sikap, Pengetahuan, Kemahiran dan Penerimaanguna APT	81
Prediktor Penerimaanguna APT	82
Perbincangan	85
Tahap Sikap Pesawah	85
Tahap Pengetahuan Pesawah	86
Tahap Kemahiran Pesawah	87
Tahap Penerimaanguna APT oleh Pesawah	88
Umur dan Penerimaanguna APT	89
Tahap Pendidikan dan Penerimaanguna APT	90
Saiz Tanah dan Penerimaanguna APT	91
Sumber Maklumat dan Penerimaanguna APT	92
Penglibatan Sosial dan Penerimaanguna APT	92



	Hubungan antara Sikap dan Penerimaanguna APT	93
	Hubungan antara Pengetahuan dan Penerimaanguna APT	93
	Hubungan antara Kemahiran dan Penerimaanguna APT	94
	Analisis Regresi	94
	Ringkasan	95
V	RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
	Pengenalan	96
	Ringkasan	96
	Kesimpulan	98
	Implikasi	99
	Cadangan	102
	Cadangan Kajian akan Datang	105
	RUJUKAN	107
	LAMPIRAN A : Borang Soal selidik	117
	LAMPIRAN B : Manual Semak Padi (<i>Rice Check Manual</i>)	124
	LAMPIRAN C : Senarai Kehadiran Petani	126
	BIODATA PELAJAR	127

